

**Teks Ucapan**  
**Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong MP 185 Batu Sapi**  
**Sempena Maljjs Rumah Terbuka Pusat Khidmat Rakyat**  
**Tahun Baru Cina**  
**2019**

**PADA 17 FEBRUARI 2019**

Terima kasih pengerusi maljis.

**1. Yang Berhormat Datuk Stephen Wong Tien Fatt**

Menteri Kesihatan Dan Kesejahteraan Rakyat Sabah,  
Merangkap Ahli Parlimen P186 Sandakan.

**2. Yang Berhormat Datuk Poon Ming Fung @ Frankie**

Menteri Belia Dan Sukan Sabah,  
Merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri N46 Tanjung Papat.

**3. Yang Berhormat Tuan Ariffin Bin Asgali**

Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri Sabah,  
Merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri N43 Sekong.

**4. Yang Berhormat Tuan Hiew Vun Zin**

Pembantu Menteri Kepada Menteri Di Kementerian Kerajaan Tempatan  
dan Perumahan Sabah,  
Merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri N44 Karamunting.

**5. Yang Berhormat Tuan Arunarnsin Bin Taib**

Pembantu Menteri Kepada Menteri Belia Dan Sukan Sabah,  
Merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri N41 Gum-Gum

**6. Yang Berhormat Tuan Calvin Chong Ket Kiun**

Ahli Dewan Undangan Negeri N45 Elopura

**7. Yang Berhormat Tuan Jafari Bin Walliam**

Ahli Dewan Undangan Negeri (Lantikan)

**8. Yang Berbahagia Datuk Peter Hii Chang Lik**

Presiden Majlis Perbandaran Sandakan (MPS)

Datuk-Datuk, Datin-Datin, Para AJK Pelaksana, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, Para Media serta seluruh hadirin sekalian.

Salam sejahtera dan salam Sayangi Malaysiaku.

1. Terlebih dahulu marilah kita mengucapkan syukur kepada yang maha kuasa, kerana dengan izinNya kita dapat berkumpul bersama-sama dengan pelbagai etnik dan kaum dalam suasana aman serta harmoni di Majlis Rumah Terbuka sempena Tahun Baru Cina 2019 ini. Ternyata suasana kehangatan sambutan Tahun Baru Cina ini masih terasa dan kelihatan begitu meriah apabila dapat disambut secara beramai-ramai bersama dengan masyarakat di Sandakan pada malam ini.

2. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Presiden MPS Datuk Peter Hii, diatas sumbangan dan pelaksanaan polisi yang begitu baik terhadap Bandar Sandakan yang saya dimaklumkan mendapat reaksi yang sangat positif dari penduduk di daerah ini.

Diharap usaha sebegini daripada beliau dapat diteruskan demi kebajikan dan kebaikan bandar Sandakan yang kita kasihi. Tahniah sekali lagi saya ucapkan.

Hadirin yang dihormati sekalian.

3. Dalam pada kita ingin melihat pembangunan Bandar Sandakan terus berkembang dari semasa ke semasa, pelbagai aspek perlu diambil kira dan diperbaiki. Antara aspek itu ialah berkaitan pembasmian dan penghapusan gejala rasuah. Aspek ini adalah amat penting, dimana seperti yang kita ketahui, banyak negara telah mengalami kejatuhan dari segi pembangunan ekonomi dan sosial akibat daripada gejala rasuah yang tidak ditangani dengan sebaik mungkin. Justeru, selari dengan aspirasi negara melalui kerajaan Pakatan Harapan, Perdana Menteri Tun Dr.Mahathir Bin Mohammad telah melancarkan PELAN ANTI RASUAH KEBANGSAAN (NACP) pada 18 Januari yang lalu, yang mana antara lain turut menekankan ENAM (6) bidang keutamaan yang cenderung kepada rasuah dan perlu diberi perhatian, iaitu meliputi PENTADBIRAN SEKTOR AWAM, TADBIR URUS POLITIK, TADBIR URUS KORPORAT, PEROLEHAN AWAM, PENGUATKUASAAN, serta PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN. Namun begitu, NACP ini tidak mungkin akan dapat kita laksanakan dengan berkesan tanpa kerjasama dan sokongan daripada orang awam. Maka itu saya menyeru orang ramai, khususnya penduduk Sandakan sendiri agar sentiasalah memberikan kerjasama kepada pihak kerajaan dan begitu juga kepada pihak MPS sendiri dalam mencapai matlamat ini demi menjadikan bandar kita terus membangun dan berkembang maju.

Hadirin yang dikasihi sekalian.

4. Usaha murni daripada Presiden MPS ini adalah selari dengan aspirasi kerajaan negeri yang diterajui oleh Parti Warisan bersama-sama dengan komponen parti daripada DAP, PKR dan UPKO, iaitu meningkatkan taraf hidup penduduk dengan melaksanakan rancangan pembangunan yang strategic dan membantu kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam melaksanakan Dasar Pembangunan Negara. Pada masa yang sama, saya juga mengharapkan agar aspek rancangan untuk menjadikan perbandaran Sandakan sebagai sebuah alam persekitaran yang bersih dan hijau akan dapat terus ditingkatkan, tanpa mengeneipkan aspek keselamatan membenteras kejadian jenayah. Ini penting bagi menjamin kemasukkan para pelabur luar untuk melabur di Sandakan dan penduduk dapat menjalankan perniagaan dengan suasana yang lebih selamat selesa.

Hadirin yang dihormati sekalian

5. Bercakap mengenai rancangan pertumbuhan ekonomi bagi daerah Sandakan, pada Disember lalu Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Shafie Apdal, yang juga merangkap Presiden Parti Warisan Sabah, telah mengumumkan bahawa Sandakan akan bakal berubah wajah menjadi Pusat Pembuatan Perabot (POIC) bagi Sabah apabila lokasi POIC seluas 500 ekar telah dikenalpasti. Begitu juga dengan pelaksanaan semula Perdagangan Tukar Barang (Barter Trade) yang melibatkan empat (4) pelabuhan utama iaitu Kudat, Sandakan, Tawau dan Lahad Datu, selain kewujudan kawasan Zon Perdagangan Bebas.

Perancangan-perancangan seumpama ini sebenarnya amat membantu dalam merencanakan pertumbuhan ekonomi negeri amnya, dan bagi daerah Sandakan sendiri khasnya. Justeru pihak MPS sendiri haruslah memantapkan lagi bidang tadbir urus agar dapat menjalankan peranan serta tugas yang diamanatkan.

Pada masa yang sama, Sandakan yang juga turut dikenali sebagai salah satu daerah yang sangat popular sebagai destinasi pelancongan di Malaysia seharusnya digilap dan dikembangkan dengan lebih agresif oleh pihak MPS dari semasa ke semasa. Ini kerana Sandakan sebenarnya mampu menjadi salah sebuah hub pelancongan dengan adanya Pulau –pulau yang menarik, Taman Memorial, Pusat Konservasi dan santuari bagi spesis haiwan terancam, Gua Gomantong, Deramakot dan banyak lagi. Destinasi-destinasi tumpuan pelancongan ini bukan sahaja mampu menarik tumpuan pelancong tempatan, tetapi juga tumpuan seluruh dunia. Oleh itu adalah amat penting bagi pihak MPS sendiri untuk lebih meningkatkan aspek kebersihan persekitaran dari semasa ke semasa.

Hadirin yang dihormati sekalian.

Bercakap mengenai aspek kebersihan pula, kita boleh lihat dan contohi seperti dalam program ‘Kempen Semporna Bersih Setiap Hari’ yang dilancarkan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Shafie Apdal pada awal Januari lalu di Semporna. Kini daerah berkenaan mula mendapat pujian orang ramai apabila kempen tersebut ternyata berkesan dan kita tidak lagi melihat sampah dibuang merata-rata seperti sebelum ini. Diiharap pihak MPS juga dapat merancangkan sesuatu aktiviti seumpama ini disamping penguatkuasaan yang lebih ketat dalam menjamin kebersihan persekitaran pada masa akan datang.

Akhir kata daripada saya, sekali lagi jutaan terima kasih diucapkan diatas kehadiran semua tetamu jemputan dan seluruh masyarakat Sandakan pada hari ini, dan diharap pertemuan kita tidak akan berakhir disini, sebaliknya akan terus berkembang subur dan menguatkan lagi ikatan silaturahmi di masa-masa akan datang.

Sekian dan terima kasih.

(Tamat)